

19/10/1999

Pembela akan panggil PM

Khairul Bahri Basaruddin

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dipanggil membela diri terhadap tuduhan meliwat Azizan Abu Bakar, akan memanggil Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai saksinya.

Peguam bela Anwar, Karpal Singh berkata Dr Mahathir adalah orang kedua selepas Ummi Hafilda Ali ditemui Azizan berhubung dakwaannya diliwat Anwar dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja.

Katanya, pembela akan memohon sapina dikeluarkan dan mahkamah mengemukakan sapina itu kepada Perdana Menteri bagi membolehkan saksi berkenaan hadir ke mahkamah.

Azizan dalam keterangannya memberitahu mahkamah bahawa beliau ada menemui Perdana Menteri berhubung dakwaan diliwat Anwar.

Hakim Datuk Ariffin Jaka yang mendengar permohonan itu meminta Karpal merujuk perkara itu kepada Timbalan Pendaftar, Rozilah Salleh, bagi tindakan selanjutnya.

Sebelum itu, seorang lagi peguam bela Anwar, Christopher Fernando memberitahu mahkamah bahawa selain senarai saksi yang ditawarkan oleh pendakwa, pembela juga akan memanggil saksinya sendiri.

Bagaimanapun, katanya, pembela memerlukan masa untuk menemubual saksi berkenaan terutamanya ada sebahagian daripada mereka berada di luar negara.

Saksi yang ditawarkan kepada pembela adalah Hakim Kanan Mahkamah Sesyen, Lim Yee Lan; Timbalan Pendakwa Raya, Stanley Augustin; bekas Pengarah Cawangan Khas, Datuk Zulkifli Abdul Rahman; Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Kong Hong Sun.

Asisten Superintendan (ASP) Mohd Rodwan Mohd Yusof; ASP Zulkifli Mohamed; ASP Mazlan Mansor; ASP Wan Ahmad Abas; Cif Inspektor A Rajagopal; Detektif Koperel Razib Mohamed Noh; Detektif Koperel Zaini Mat Piah.

Detektif Koperel Rozlan Yusof; Ahli Kimia Lim Kong Boon; Peguam Mohamed Noor Don; Ummi Hafilda Ali; Dr Ristina Majid; Manjit Kaur; Alijah Che Lah; Lee Mon Swi dan bekas setiausaha sulit Anwar, Mohd Azmin Ali.

Sementara itu, Fernando memberitahu pemberita di luar mahkamah bahawa pihaknya juga akan memanggil beberapa menteri untuk mengesahkan alibi yang dikemukakan pembela.

Sepanjang perbicaraan itu, pendakwa memanggil sembilan saksi termasuk bekas Ketua Polis Negara, Tun Mohd Haniff Omar; Hakim Mahkamah Sesyen, Abdul Karim Jalil; Senior Asisten Komisioner 1 Musa Hassan serta mangsa liwat kes itu, Azizan.

Perbicaraan bersambung Khamis ini.

(END)